

PERADUAN FOTOGRAFI

Sempena

HARI HABITAT SEDUNIA 2010

Anjuran

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dengan Kerjasama



Persatuan Jurufoto

ڤرساتوان جوروفوتوبروني دارالسلام

PERSATUAN JURUFOTO BRUNEI DARUSSALAM
(ASSOCIATION OF PHOTOGRAPHERS BRUNEI DARUSSALAM)
P.O.Box 190, Pejabat Pos Gadong, BE 3978 Negara Brunei Darussalam

Tema:

**BANDARAYA TERATUR KEHIDUPAN SELESA
("BETTER CITY BETTER LIFE")**

PENDAHULUAN

Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam sukacita menganjurkan peraduan Fotografi Sempena Hari Habitat Sedunia bagi tahun 2010. Peraduan ini dikelolakan dengan kerjasama Persatuan Jurufoto Brunei Darussalam (PJBD).

KETERANGAN

A. OBJEKTIF

- Untuk memeriahkan suasana Sambutan Hari Habitat Sedunia 2010 Jabatan Kemajuan Perumahan Kementerian Pembangunan.
- Untuk mendedahkan dan mengetengahkan jurufoto yang berpotensi dan berbakat.
- Untuk mengalakkan dan merangsang minat dalam teknik dan seni fotografi dikalangan orang awam dan juga penuntut-penuntut.
- Untuk memelihara kawasan perumahan kita dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pentingnya amalan hidup berjiran.
- Pihak Jabatan berhasrat untuk mendapatkan koleksi gambar-gambar mengenai Perumahan yang teratur dan Kehidupan yang selesa untuk dijadikan bahan pameran, penerbitan dan promosi.
- Bekerjasama dengan Persatuan Jurufoto Brunei Darussalam dalam sama-sama mengembangkan minat orang ramai dalam bidang jurufoto di Negara Brunei Darussalam melalui peraduan fotografi.

B. KALENDAR

Tarikh	Hari	Aturcara / Aktiviti
23.12.2010	Khamis	Peraduan dibuka
07.02.2011	Isnin	Tarikh tutup penyertaan (04.00 petang)
09.02.2011	Rabu	Penghakiman
13.02.2011	Ahad	Penyampian hadiah kepada Pemenang Peraduan mewarna, melukis dan Peraduan Fotografi

C. KATEGORI / TEMA

1. KATEGORI A (*Awam*)

Penyertaan terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja. Gambar-gambar hendaklah dihantar dengan Keterangan (Kepsyen) gambar, di mana dan tarikh gambar diambil.

2. KATEGORI B (*Penuntut*)

Penyertaan terbuka kepada semua penuntut-penuntut di sekolah Negara Brunei Darussalam yang berumur 10 – 18 tahun. Pengesahan disekolah mana ia menuntut diperlukan dengan mendapatkan cop sekolah / maktab dimana ia menuntut pada borang dan sebelah belakang gambar di hantar.

TEMA : Gambar-gambar bertemakan dan yang dihadapkan hendaklah menepati tujuan / objektif peraduan ini diadakan – “Bandaraya Teratur Kehidupan Selesa” (Better City Better Life) dengan Kapsyen, Keterangan gambar dimana dan Tarikh gambar diambil.

Untuk itu gambar dan penyertaan hendaklah mempamerkan diantara perkara-perkara berikut :-

- didalam kawasan Skim Perumahan Negara seperti RPN Lambak Kanan, RPN Rimba, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Tungku dan Lain-lain.
- Suasana kehidupan yang baik, selesa dan harmoni
- Pembangunan dan Prasarana Skim Perumahan Negara
- Aktiviti-aktiviti dan lain-lain

D. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Penyertaan dikenakan bayaran bagi Kategori A- \$10.00 dan Kategori B- \$5.00.
3. Penyertaan yang lewat (diterima selepas tarikh tutup / sebelum penghakiman) akan dikenakan bayaran penalty iaitu sebanyak **\$10.00 (Kategori A) dan \$5.00 (Kategori B) bagi setiap keping gambar** yang dihantar.
4. Semua penyertaan hendaklah menggunakan / mengisi dengan lengkap Borang Penyertaan yang telah disediakan.
5. Gambar hendaklah yang terbaharu diambil sendiri oleh peserta di Negara Brunei Darussalam dan belum pernah memenangi mana-mana peraduan sama di dalam atau luar negeri.
6. Jumlah maksima penyertaan ialah **empat (4) keping gambar** berwarna (colour print) dan / atau hitam putih (monochrome) bagi setiap peserta.
7. Pemenang hanya berhak menerima satu(1) hadiah bagi setiap kategori.
8. Ukuran gambar hendaklah berukuran **30.50cm x 45.70cm (12” x 18”)** bagi **Kategori A** dan **20.30cm x 30.50cm (8” x 12”)** bagi **Kategori B**. Semua penyertaan hendaklah berserta dengan negatif atau ‘softcopy’ didalam CD berukuran lebar 2000pix dan 100dpi.
9. Tidak ada larangan menggunakan penggambaran secara film atau digital. Gambar boleh dimanipulasi **secara sedarhana dan tidak keterlaluan**.
10. Penyertaan tidak perlu dibingkai (mounting). Gambar hendaklah ditulis Kategori, Nama, Tajuk, Kapsyen dan nombor gambar disebelah kiri bawah belakang setiap gambar.
11. Gambar-gambar yang memenangi sebarang hadiah akan menjadi hak milik penganjur dan akan digunakan bagi tujuan pameran, penerbitan, dan promosi. Gambar-gambar yang tidak berjaya boleh diambil balik oleh peserta dalam tempoh satu (1) bulan selepas pameran. Gambar-gambar yang gagal diambil selepas tempoh tersebut akan secara sendirinya menjadi hak milik penganjur.
12. Jawatankuasa Kerja berhak membatalkan penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat penyertaan. Bayaran penyertaan tidak akan dikembalikan.
13. Gambar-gambar yang dipertandingkan boleh dijual 10 hari selepas pameran dan pembahagian hasil jualan iaitu 70% kepada peserta, 20% kepada penganjur dan 10% kepada Tabung Amal.
14. Keputusan Panel Hakim adalah **muktamad**.

E. HADIAH

Pemenang-pemenang akan menerima hadiah seperti berikut:

PEMENANG	KATEGORI A	KATEGORI B
Pertama	\$300.00 + Cenderamata + Sijil	\$200.00 + Cenderamata + Sijil
Kedua	\$200.00 + Cenderamata + Sijil	\$150.00 + Cenderamata + Sijil
Ketiga	\$150.00 + Cenderamata + Sijil	\$100.00 + Cenderamata + Sijil
3 suguhati	3 x (Cenderamata + Sijil)	3 x (Cenderamata + Sijil)

F. KRITERIA PEMILIHAN

- Signifikan subjek terhadap tema peraduan.
- Tarikan artistik pada foto.
- Komposisi, keseimbangan, warna, susunan.
- Daya kreatif, inovatif dan imaginasi.
- Kapsyen yang ringkas dan bertepatan akan diberi pertimbangan dalam memilih pemenang.

G. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Pada hari Isnin, 07.02.2011 pada jam 4.00 petang dan semua penyertaan hendaklah diserahkan kepada pihak penganjur :

Setiausaha Peraduan Fotografi,
Sempena Hari Habitat Sedunia 2010,
Penyambut Tetamu Tingkat 5,
Jabatan Kemajuan Perumahan
Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas
Negara Brunei Darussalam.

Borang penyertaan boleh didapati daripada pihak penganjur dan boleh juga didapati:

Persatuan Jurufoto Brunei Darussalam
Rumah Kelab Persatuan Jurufoto Brunei Darussalam
d / a Bangunan Kelab Tennis
Kompleks Sukan Berakas
Kampung Jaya Setia
Perpindahan Berakas
Brunei Darussalam Atau

Kedai-kedai foto Atau

Dengan melayari laman web www.perumahan.gov.bn

Sebarang pertanyaan bolehlah dihadapkan kepada:

<i>Awg Hj Mohd Marzuki bin Haji Mod Hashim</i>	-	<i>8741616/2382145 ext 310</i>
<i>Awg Khairul Asri bin Hj Tarip</i>	-	<i>8812965/2382145 ext 301</i>
<i>Dyg Amal Umi Khalsum binti Haji Abd Karim</i>	-	<i>8788257/2382145 ext 509</i>
<i>Dyg Sari Wati binti Hj Sahak</i>	-	<i>8822688/2382145 ext 507</i>
<i>Awg Hj Abd Razak bin POKL DSS Hj Mohd Taha</i>	-	<i>8807676</i>
<i>Awg Hj Jamaludin bin Hj Awang Tengah</i>	-	<i>8885699</i>

BORANG PENYERTAAN

NAMA:

NOMBOR KAD PINTAR: _____ WARNA: _____

UMUR: _____ TARIKH LAHIR: _____

ALAMAT:

NO TEL: _____ (R) _____ (O) _____ (M)

KATEGORI A

KATEGORI B BESERTA COP SEKOLAH / MAKTAB _____

BIL	TAJUK / KEPSYEN	NO FAIL DALAM CD
1		
2		
3		
4		

Saya bersetuju untuk menyertai **PERADUAN FOTOGRAFI SEMPENA SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA 2010** dan dengan ini mengaku faham dan patuh kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan. Saya juga mengaku bahawa semua gambar yang saya hantar ke peraduan ini adalah tulen yang saya ambil sendiri.

TANDATANGAN _____ TARIKH _____

UNTUK DILEKAT DIBELAKANG SETIAP GAMBAR

NAMA:		HARGA:
BIL.	KATEGORI:	TAJUK / KEPSYEN:
1	A / B	
KETERANGAN GAMBAR (JIKA ADA):		
TANDATANGAN		TARIKH:

NAMA:		HARGA:
BIL.	KATEGORI:	TAJUK / KEPSYEN:
2	A / B	
KETERANGAN GAMBAR (JIKA ADA):		
TANDATANGAN		TARIKH:

NAMA:		HARGA:
BIL.	KATEGORI:	TAJUK / KEPSYEN:
3	A / B	
KETERANGAN GAMBAR (JIKA ADA):		
TANDATANGAN		TARIKH:

NAMA:		HARGA:
BIL.	KATEGORI:	TAJUK / KEPSYEN:
4	A / B	
KETERANGAN GAMBAR (JIKA ADA):		
TANDATANGAN		TARIKH: